



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 29/04/20**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG PENGUASA BOMBA DAN PENYELAMAT (P.7)  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PENOLONG PENGUASA BOMBA DAN PENYELAMAT  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
P.7 (\$1,550 - \$2,290 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TUJUH (07)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding.

Kelulusan dalam salah satu bidang-bidang berikut adalah kelebihan:

- *Civil Engineering*
- *Computing*
- *Construction Engineering and Management*
- *Electrical and Electronic Engineering*
- *Information Technology*
- *Mechanical Engineering*
- *Automotive Engineering*
- *Marine Engineering*

b) **KELAYAKAN FIZIKAL:**

- i) Umur - Di antara 18 tahun hingga 32 tahun (Lelaki / Wanita)
- ii) Tinggi dan berat badan - Bagi lelaki:  
sekurang-kurang 5'4" (1.63m) /  
tidak melebihi 60 Kg.
- Bagi Wanita:  
sekurang-kurang 5' (1.52m) /  
tidak melebihi 55 Kg.
- iii) Dada - Bagi lelaki:  
sekurang-kurangnya 34" (86cm)  
apabila tidak ditarik nafas  
(biasa).



- iv) Bagi pemohon wanita hendaklah bujang semasa memohon dan sepanjang tempoh menjalani Kursus Asas Kebombaan.
- v) Tiada masalah pendengaran.
- vi) Tidak buta warna (*colour blind*).
- vii) Calon hendaklah mempunyai badan yang sihat dan lulus peperiksaan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan yang dibenarkan berpandukan Garispandu Kesihatan bagi Ahli Bomba (*Medical Guideline for Firefighter*).

c) **UJIAN**

- i) Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mengikuti Ujian Kecergasan Fizikal (BFT), bertulis dan praktikal serta ujian-ujian yang ditetapkan oleh Jabatan ini dari semasa ke semasa. Mereka yang gagal dalam ujian tersebut tidak akan disokong.
- ii) Bagi yang telah berkhidmat di Jabatan Bomba dan Penyelamat hendaklah telah lulus Ujian Kecergasan Fizikal (BFT), ujian bertulis dan ujian-ujian yang ditetapkan oleh Jabatan dari semasa ke semasa. Mereka yang gagal dalam ujian tersebut tidak akan disokong.

d) **KURSUS / LATIHAN:**

- i) Menjalani Latihan Asas Kebombaan di Pusat Latihan Bomba dan Penyelamat atau di seberang laut dari semasa ke semasa.
- ii) Hendaklah mencapai 80% kehadiran semasa menjalani Latihan Asas Kebombaan, jika gagal calon tidak akan menerima sijil tamat latihan dan dikehendaki untuk mengikuti latihan akan datang.
- iii) Hendaklah lulus Ujian Kecergasan fizikal (BFT) sepanjang latihan Asas Kebombaan bermula, jika gagal calon akan ditamatkan daripada perkhidmatan.



### ATAU

2.
  - i) Telah berkhidmat di Jabatan Bomba dan Penyelamat sebagai Pegawai Balai dalam tanggungaji P.6 tidak kurang dari 5 tahun.
  - ii) Lulus Kursus Persediaan Kenaikan Pangkat Penolong Penguasa.
  - iii) Lulus Ujian Kecergasan fizikal (BFT), ujian bertulis dan ujian-ujian yang ditetapkan oleh Jabatan dari semasa ke semasa. Mereka yang gagal dalam ujian tersebut tidak akan disokong.
3. Keahlian *Membership of Institution of Fire Engineers (MIFireE)* dan *Graduateship of Institution of Fire Engineers (GIFireE)* adalah kelebihan.

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan dasar Jabatan selaras dengan Akta Bomba dan Penyelamat (Pindaan 2002) Penggal 83 dari semasa ke semasa.
2. Bertanggungjawab selaku Ketua Bahagian / Unit dan bertanggungjawab ke atas segala pengurusan, pentadbiran, latihan-latihan dan keanggotaan di bawah jagaannya.
  - a. Menyediakan kertas kerja dan laporan segala projek serta aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan sepanjang tahun.
  - b. Merangka perkembangan projek serta aktiviti mengikut kapasiti bidang kuasa yang telah dimandatkan.
  - c. Menyediakan permohonan peruntukan bagi bahagian / unitnya.
3. Jika ditugaskan di Bahagian Operasi berperanan selaku Pegawai Mengetuai Balai (Stesen Komander) di Cawangan Operasi yang bertanggungjawab ke atas beberapa perkara seperti berikut:
  - a. Memastikan keanggotaan di bawah jagaannya mempunyai tatatertib di tahap yang tinggi, cekap dalam perlaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.



- b. Memastikan kebajikan dan keselamatan anggota operasi sentiasa di tahap yang tinggi.
- c. Mencadangkan dan memastikan latihan-latihan operasi bagi keanggotaan dijalankan di Balai dan juga di kawasan Zon Operasi bawah jagaan.
- d. Mengetahui zon kawasan operasi (*Station Ground*), membantu dalam menyediakan serta memastikan plan tindakan operasi (*Standard Operating Procedure SOP*) sentiasa relevan dan berkesan.
- e. Mengetahui dan melaksanakan pemeriksaan bangunan yang di bawah jagaan khususnya bangunan yang berisiko tinggi bagi persediaan operasi.
- f. Menjaga dan memastikan balai serta aset-aset balai di bawah jagaan sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur.
- g. Memantau dan memastikan pili-pili bomba di bawah jagaan zon operasi sentiasa dalam keadaan beroperasi dan teratur.
- h. Menyediakan dan memastikan laporan-laporan kebakaran dan lain-lain disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- i. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.



### **Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian III**

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';

Kad pengenalan dan Lesen Memandu.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>

**SIJIL** Higher National Diploma/Advanced Diploma/ Degree (Diploma Tertinggi Kebangsaan/Diploma Lanjutan/ Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSCRIPT** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">PHD.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">MASTER.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">DEGREE.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HND.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HNC.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">ND.pdf</a>

Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

## My Profile

### Working Experience

Public and Ex-Government Employee 

Current Government Employee 

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office